

29 MAY 1999

Samy Vellu-Gaji

MIC TUBUH JAWATANKUASA KHAS GAJI BULANAN PEKERJA LADANG

SHAH ALAM, 29 Mei (Bernama) -- MIC menubuhkan sebuah jawatankuasa khas bagi menyediakan kertas kerja mengenai gaji bulanan pekerja ladang, untuk dikemukakan kepada Kabinet tidak lama lagi.

Presiden MIC Datuk Seri S. Samy Vellu berkata jawatankuasa itu, yang dianggotai wakil-wakil pengurusan perladangan dan pakar undang-undang buruh, akan memulakan tugasnya dalam masa seminggu lagi.

"Tugas jawatankuasa itu termasuk mengumpulkan pendapat dan maklumat balas terhadap isu daripada pihak berkenaan di negara ini dan negara luar yang telah melaksanakan skim ini dengan jayanya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan persidangan perwakilan MIC Selangor ke-53 di Dewan Jubli Perak, di sini, hari ini.

Samy Vellu, yang mengetuai jawatankuasa itu, berkata kertas kerja gaji bulanan pekerja ladang itu akan disiapkan dalam masa tiga hingga empat minggu lagi.

Beliau juga akan bertukar-tukar pendapat mengenai perkara itu dengan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selepas perdana menteri pulang dari Jepun.

Samy Vellu berkata pembayaran gaji bulanan itu adalah lebih praktikal berbanding bayaran gaji harian seperti yang diamalkan sekarang.

Samy Vellu, yang juga Menteri Kerja Raya, berkata jawatankuasa itu akan bermesyuarat dengan pengurusan Persatuan Koperasi Tanah dan Kewangan Kebangsaan (NLFCs), yang telah melaksanakan sistem bayaran gaji bulanan itu di semua estetnya, untuk mengetahui sama ada ia mengalami masalah dalam membayar gaji bulanan kepada pekerjanya.

Dua hari lepas, Samy Vellu berkata parti itu akan berjuang mendapatkan bayaran gaji bulanan pekerja ladang termasuk mengemukakan kertas kerja kepada Kabinet.

Beliau juga berterima kasih kepada Menteri Sumber Manusia Datuk Lim Ah Lek di atas inisiatifnya mengadakan mesyuarat dengan Persatuan Pengeluar Pertanian Malaysia dan Kesatuan Pekerja-pekerja Ladang Kebangsaan untuk membincangkan isu itu.

Samy Vellu berkata perwakilan MIC Selangor juga memberi sumbangan kepada ibu Audrey Melissa Patinathan, 17, pelajar Sekolah Menengah Methodist, yang dirogol dan dibunuh semasa ke sekolahnya awal bulan ini.

Beliau berkata sumbangan RM77,368 yang didermakan oleh anggota-anggota MIC termasuk dirinya, para timbalan menteri, setiausaha parlimen, Jawatankuasa Kerja Pusat, Exco, Anggota Dewan Undangan Negeri dan perwakilan MIC Selangor, akan diserahkan kepada Margaret Francis tidak lama lagi.

Samy Vellu berkata parti itu juga akan menyumbangkan 20 komputer peribadi bernilai RM65,000 kepada pusat komputer sekolah itu, yang dinamakan sempena Melissa.

-- BERNAMA

KM NAK